

Bangga kutipan hasil RM448 juta



Ahli dewan mengaminkan doa pada Persidangan Pertama Penggal Keempat, DUN Ke-14, pada Jumaat.

SEREMBAN - Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir berbangga dengan komitmen kerajaan negeri yang berjaya memperolehi kutipan hasil sebanyak RM448 juta pada tahun 2020.

Baginda bertitah, pada tahun lalu prestasi ekonomi telah mencatatkan pertumbuhan negatif namun Negeri Sembilan adalah antara lapan negeri yang merekodkan kadar pertumbuhan yang lebih baik iaitu susut 3.6 peratus berbanding penyusutan 5.6 peratus di peringkat nasional.

“Sekalung tahniah diucapkan kepada kerajaan beta kerana berjaya memperolehi kutipan hasil sebanyak RM447.88 juta pada tahun 2020, walaupun berdepan dengan Covid-19,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian

ketika merasmikan pembukaan Persidangan Pertama Penggal Keempat, Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan ke-14 pada Jumaat.

Baginda turut berbangga apabila Negeri Sembilan mencatatkan nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) perkapita iaitu RM43,859, melebihi paras nasional RM43,378.

Titah baginda, walaupun menghadapi persekitaran ekonomi yang mencabar termasuk situasi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), strategi dan intervensi yang dilaksanakan serta komitmen semua agensi pemungut hasil, ternyata amat berkesan; malah berjaya.

“Alhamdulillah, pentadbiran kerajaan negeri masih berupaya menarik pelaburan yang amat membanggakan,” titah baginda.